

CUKAI KORPORAT

2014

 /Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri
  /LHDNM
  1-800-88-5436(LHDN)

Pengenalan

Cukai korporat dikenakan atas syarikat bermastautin (sendirian berhad dan berhad) yang memperoleh pendapatan :

- Di Malaysia dan
- Dari luar Malaysia bagi syarikat insurans, pengangkutan laut dan udara dan perbankan sahaja

Tanggungjawab Syarikat

- Kemukakan anggaran cukai (e-CP204) melalui **e-Filing**
 - o Syarikat baharu: 3 bulan dari tarikh mula operasi
 - o Syarikat sedia ada: 30 hari sebelum bermula tempoh asas baharu
- Bayar cukai anggaran menggunakan CP207 sebelum/ pada 10hb setiap bulan
 - o Syarikat baharu: mulai bulan ke-6 tempoh asas
 - o Syarikat sedia ada: mulai bulan ke-2 tempoh asas
- Kemukakan Borang C (e-C) secara **e-Filing**
- Kemukakan Borang R (e-R - Penyata Baki 108 Tersemak) secara **e-Filing**
- Bayar baki cukai (jika ada) menggunakan CP207
- Simpan rekod dan buku akaun selama 7 tahun

Kadar Cukai Korporat

Jenis Syarikat	*T/T 2009 - 2013	*T/T 2014
Modal berbayar sehingga RM25 juta pada awal tempoh asas		
Pendapatan bercukai RM500,000 pertama	20%	20%
Pendapatan bercukai selebihnya	25%	25%
Modal berbayar melebihi RM25 juta pada awal tempoh asas	25%	25%

*T/T – Tahun Taksiran

Orang Yang Bertanggungjawab

- Pengarah-pengarah syarikat
- Setiausaha syarikat
- Pengurus atau pegawai utama
- Sesiapa sahaja yang menjalankan mana-mana fungsi di atas

Bayaran Ansuran Syarikat (Anggaran dibuat oleh Syarikat)

Perkara	Syarikat Baharu	Syarikat Sedia Ada	Borang
Hantar Anggaran	Dalam masa 3 bulan pertama operasi	30 hari sebelum mula tempoh asas	CP204
Mula bayar	Bulan ke-6 tempoh asas	Bulan ke-2 tempoh asas	-
Tarikh bayaran	Sebelum/pada 10 hb		CP207
Pinda anggaran	Bulan ke-6 atau ke-9 tempoh asas		CP204A

CUKAI KORPORAT

Kesalahan Jenayah	Kesalahan Sivil
Kegagalan melaporkan pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan kegagalan melaporkan pendapatan yang sepatutnya (tuntutan palsu) di Borang Nyata Cukai Pendapatan	Kegagalan membayar cukai pendapatan mengikut tempoh yang ditetapkan

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan